



KENYATAAN MEDIA

KUALA LUMPUR (21 SEPTEMBER 2020) - Berdasarkan prinsip hak asasi manusia dan demokrasi, Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) akan memantau pilihan raya negeri ke-16 di Sabah pada 21 hingga 26 September 2020.

SUHAKAM telah menjalankan pemantauan pilihan raya di Malaysia termasuk Pilihan Raya Umum ke-14 pada bulan Mei 2018. Dengan pengalaman daripada pemantauan pilihan raya sebelum ini, pasukan SUHAKAM, yang terdiri daripada lebih kurang 30 orang termasuk Pesuruhjaya, kakitangan dan sukarelawan, akan menjalankan pemantauan di beberapa kawasan pilihan raya negeri di Sabah, termasuk Matunggong, Bandau, Karambunai, Darau, Kepayan, Moyog, Membakut, Kuala Penyu, Sook, Nabawan, Gum-Gum, Sungai Manila, Kemabong, Melalap, Bugaya, Sulabayan, Senallang, Kukusan, Tanjung Batu, Pantai Dalit, Sulaman, Inanam dan Api-Api.

Sehubungan itu, SUHAKAM mengalu-alukan maklumat daripada para pengundi berhubung segala bentuk pelanggaran peraturan pilihan raya dalam tempoh proses pilihan raya negeri. Pengundi boleh menghubungi pejabat SUHAKAM Sabah di talian 088-317405 atau 019-324 5650.

SUHAKAM akan melaporkan penemuan awal pemantauan tersebut kepada umum pada 27 September 2020.

-TAMAT-

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM)

21 September 2020

Pertanyaan Media: Sila hubungi Pn. Norashikin Hamzah melalui 03-2612 5687 / 019-621 5336 atau shikin@suhakam.org.my